



KENYATAAN MEDIA

KERAJAAN KOMITED BANTERAS KEMASUKAN SISA SECARA HARAM KE DALAM NEGARA

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) terus giat membanteras kemasukan sisa secara haram di pelabuhan negara.

Berdasarkan maklumat yang diterima, mulai 14 Mac 2025 JKDM Selangor telah menahan 354 buah kontena yang disyaki mengandungi e-waste dan sisa plastik. Pemeriksaan ini dilakukan susulan maklumat yang diterima daripada sebuah badan bukan kerajaan (NGO) di Amerika Syarikat mengenai kontena dari negara tersebut yang dijangka memasuki Malaysia melalui Pelabuhan Klang, khususnya di Pelabuhan Utara.

Pelbagai agensi penguatkuasaan dan teknikal termasuk JAS, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) serta SIRIM Berhad akan meneruskan pemeriksaan ke atas baki kontena yang masih belum diperiksa bersama-sama dengan JKDM.

Statistik Pemeriksaan dan Tindakan Penguatkuasaan Buangan Terjadual

Sepanjang tempoh 1 Januari hingga 13 Mei 2025, JAS telah memeriksa sebanyak 179 kontena yang disyaki membawa e-waste. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 122 kontena (68%) telah ditahan dan disahkan membawa e-waste. Siasatan lanjut mendapati bahawa pengimport terlibat telah membuat pengisytiharan palsu.

Susulan itu, sebanyak 119 Notis Arahan telah dikeluarkan kepada syarikat pengimport di bawah Seksyen 31 dan 37, Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974, bagi tujuan pemulangan semula kontena ke negara asal.

Tindakan ini adalah selaras dengan prosedur di bawah Konvensyen Basel Mengenai Kawalan Pergerakan Merentasi Sempadan Sisa Berbahaya dan Pelupusannya, yang mewajibkan semua pergerakan rentas sempadan buangan terjadual sama ada untuk import, eksport, transit atau *transshipment* mendapat kebenaran bertulis daripada JAS terlebih dahulu.

Penguatkuasaan Pengimportan Sisa Plastik

Bagi sisa plastik, dasar semasa telah menetapkan bahawa pengimportan kontena sisa plastik kod HS3915 perlu mendapatkan kelulusan lesen import (AP) terlebih dahulu sebelum dibenarkan untuk dibawa masuk ke Malaysia. Ketetapan pihak kerajaan adalah tidak membenarkan sebarang kelulusan 'AP on Arrival'. Dalam hal ini, jika barang dagangan TIDAK mempunyai AP yang dikeluarkan oleh JPSPN, maka pihak JKDM akan membuat penahanan untuk siasatan dan tindakan lanjut.

Sekiranya barang dagangan adalah seperti yang diikrarkan dan dikategorikan sebagai kod HS3915 serta pengimportan mempunyai AP yang sah, JPSPN akan membuat semakan pengesahan pematuan syarat AP kepada syarikat pengimport berkaitan termasuk menilai sama ada barang dagangan tersebut mematuhi syarat-syarat pengimportan yang telah ditetapkan. Jika syarat-syarat tersebut tidak dipatuhi, maka JPSPN akan menggantung lesen pengimport dan mengeluarkan surat arahan pemulangan kontena kepada pengimport kontena. Seterusnya, suatu surat pemakluman pemulangan kontena ke negara asal akan dikeluarkan kepada JAS. Justeru, JAS akan memaklumkan tentang pemulangan kontena tersebut kepada *Competent Authority (CA)* negara asal mengikut prosedur di bawah Konvensyen Basel.

Komitmen Kementerian dan Tindakan Undang-Undang

Kementerian memandang serius sebarang percubaan menjadikan Malaysia, khususnya Pelabuhan Klang, sebagai pintu masuk bagi tujuan pengimportan atau pelupusan sisa haram. Kementerian tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang cuba menjadikan negara ini sebagai destinasi pelupusan sisa oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Semua pengimport diingatkan supaya mematuhi sepenuhnya segala kehendak perundangan dan peraturan yang telah ditetapkan, dan sebarang pelanggaran akan dikenakan tindakan undang-undang paling tegas tanpa kompromi.

Tindakan tegas akan diambil terhadap individu atau syarikat yang melanggar peruntukan undang-undang sedia ada. Di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, sebarang penempatan, peletakan atau pelupusan buangan terjadual di darat atau ke dalam perairan Malaysia tanpa kelulusan bertulis Ketua Pengarah Alam Sekitar merupakan kesalahan serius dan boleh dikenakan denda maksimum RM10 juta atau penjara sehingga 5 tahun, jika sabit kesalahan. Selain itu, agen dan syarikat perkapalan yang gagal mematuhi prosedur pengimportan turut boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 43 Akta yang sama.

Kementerian juga memohon agar negara-negara pengeksport memainkan peranan bertanggungjawab dan memastikan bahawa semua sisa yang dihantar keluar dari sempadan mereka tidak melanggar undang-undang dan kedaulatan negara penerima. Malaysia tidak akan berkompromi terhadap isu yang mengancam keselamatan alam sekitar dan kesihatan awam.

Sebagai negara parti kepada Konvensyen Basel, Rotterdam dan Stockholm (BRS), Malaysia komited sepenuhnya untuk menunaikan tanggungjawab antarabangsa dalam membanteras kemasukan sisa secara haram merentasi sempadan.

Kementerian ingin merakamkan penghargaan kepada semua agensi yang terlibat termasuk JAS, JKDM, JPSPN, SWCorp, SIRIM dan Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) di atas usaha bersama-sama mencegah dan membanteras kegiatan pengimportan haram buangan terjadual.

Tindakan melaporkan aktiviti mencurigakan, termasuk kewujudan kilang kitar semula sisa haram, amat membantu pihak berkuasa dalam membanteras perbuatan yang mencemarkan alam sekitar dan menjejaskan kesihatan awam. Setiap aduan yang disalurkan membolehkan siasatan dan tindakan segera diambil oleh pihak berwajib. Orang ramai digalakkan untuk membantu dengan melaporkan sebarang aktiviti pencemaran alam sekitar melalui Talian bebas tol: 1-800-88-2727 atau emel ke aduan_k@doe.gov.my dan melalui portal e-aduan di <https://eaduan.doe.gov.my>.

NIK NAZMI NIK AHMAD

MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

19 MEI 2025



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

